

# TRANSMORFOFONOLOGISASI SUPRAFIKS: DIALEK PATANI MERENTASI ZAMAN

*Paitoon M. Chaiyanara*

## **Abstrak**

Dalam perkembangan fonologi sesuatu bahasa, didapati sesetengah matriks fitur distingtif sesuatu bunyi telah mengalami penambahan atau sebaliknya. Ini mengakibatkan fonem-fonem yang berbeza pada awalnya telah bergeser menjadi sama antara satu sama lain dan pada akhirnya wujud sejumlah kata yang dilafazkan dengan cara yang sama. Kata-kata berkenaan akhirnya dapat digolongkan sebagai kata homonim. Untuk menghindari perlafazan yang sama (tetapi mempunyai makna yang berbeza), setelah fitur-fitur tertentu mengalami kelenyapan, maka tercetuslah satu transfonologisasi secara korelasi dengan wujudnya satu set fonem baharu sebagai pembeza makna dalam perkataan. Fenomena ini didapati berlaku kepada dialek Melayu Patani yang geografi linguistiknya bertindih dengan geografi linguistik bahasa Thai yang disifatkan sebagai bahasa suprastratum di selatan Thailand. Untuk memperlihatkan pergeseran bunyi tersebut, makalah ini secara premis telah membincangkan pembentukan semula sistem morfofonologi baharu dalam dialek Melayu Patani akibat daripada pergeseran unsur suprafiks kepanjangan konsonan dengan beranalogikan fonem nada menurun tak datar dalam bahasa Thai yang lebih sesuai diambil alih oleh pembentukan sistem morfofonologi tersebut atas keperluan pembentukan kata baharu dan penentuan makna asalnya.

## **Abstract**

*It has been observed that in the phonological development of a particular language, the distinctive features of some sounds has gone through some changes; either resulting in additions or vice-versa. This has resulted in some phonemes, which, in the beginning are different, but through this process, have become almost identical, resulting eventually in the existence of a group*

*of words that are pronounced in the same way. Those words are later classified as homonyms. In order to avoid such words from being pronounced the same way (and to retain its distinctive meaning), transfonologisation correlating to the existence of new phonemes has surfaced to facilitate in differentiating the meaning of words. This phenomenon is found in the Pattani Malay dialect whose geographical linguistics overlap with that of the Thai language, which is regarded as the language suprastratum in southern Thailand. To show the changes in such sounds, this paper attempts to discuss, as its premise, the re-formation of a new morphophonological system in Pattani Malay dialect which is the result of the change in suprafix element of long consonant analogous to falling tone phonemes in the Thai language and this is seen as being more relevant in the formation of that particular morphophonological system in lieu of specific needs in new word formation and the need to retain its original meanings.*

## PENDAHULUAN

Kejatuhan kerajaan Patani berpunca daripada pengaruh politik Majapahit di Semenanjung Tanah Melayu pada abad ke-14 yang mulai lemah dan pengaruh kerajaan Thai yang perkasa dengan ibu kotanya di Ayuthia adalah salah satu sebab secara tidak langsung kerajaan Patani pada akhirnya (abad ke-18) ditakluki oleh kerajaan Thai hingga ke hari ini. Walaupun berabad-abad diperintah oleh kerajaan berkebudayaan Buddhisme, warga Patani tetap mempertahankan agama Islam sebagai pegangan hidup mereka hingga ke hari ini.

Terdapat dua bentuk ejaan kata nama khas yang sering digunakan dalam mutalaah hal ehwal selatan Thailand. Bentuk pertama ialah warga **Patani**, dan bentuk kedua ialah warga **Pattani**. Dilihat dari segi persejarahan, kedua-dua warga tersebut mempunyai takrif yang amat berbeza. **Warga Patani** yang dimaksudkan di sini ialah penduduk Melayu yang bermastautin di wilayah sempadan selatan Thailand yang terdiri daripada wilayah Pattani, Yala, Narathiwat dan beberapa daerah sempadan antara wilayah Pattani dengan Songkla. Dengan kata lain, istilah tersebut dikhususkan untuk merujuk kepada kaum Melayu yang masih bertutur dalam dialek Patani, menganuti agama Islam, menjalani hidup mengikut adat resam dan kebudayaan Melayu dan bermastautin di selatan Thailand. Mereka ini merupakan keturunan dari sebuah negeri Melayu yang pernah berdaulat

dan terkenal pada awal abad ke-13 dengan adanya pelabuhan yang serba lengkap, sistem ekonomi yang stabil bahkan penyusunan pentadbiran yang amat rapi, dan pendidikan agama Islam yang terkemuka.

Setelah pemerintahan kerajaan Thai dibahagikan kepada sistem kewilayahan, negeri Patani pada asalnya dinamakan semula sebagai wilayah **Pat-ta-ni**. Dengan ini, istilah **Pattani** dapat dianggap sebagai kelainan baharu setelah dipadankan dengan salah satu nama wilayah yang disebut sebagai **Cangwat Pattani** oleh pemerintah Thailand. Walaupun istilah tersebut berasal daripada kata asal **Patani** yang dibincangkan di atas, namun dari segi pembatasan daerah, istilah ini hanya terbatas kepada salah satu kawasan yang tidak termasuk Yala, Narathiwat dan beberapa daerah Songkla. Dengan kata lain, istilah **Pattani** sesuai untuk merujuk kepada daerah yang populasinya berada di wilayah **Pattani** sahaja sedangkan istilah **Patani** sesuai digunakan untuk merujuk kepada daerah yang meliputi kawasan penutur dialek berkenaan, sama ada di kawasan wilayah Pattani mahupun di sekitarnya.

Wilayah Pattani merupakan wilayah yang luas, iaitu 2110 kilometer persegi, terletak di bahagian selatan Negara Thailand, iaitu di antara 6°, 5' dan 7° di utara khatulistiwa. Bahagian selatannya bersempadan dengan wilayah Yala dan wilayah Narathiwat. Manakala bahagian utaranya bersempadan dengan Teluk Siam. Pada bahagian barat pula bersempadan dengan wilayah Songkla dan pada bahagian timurnya bersempadan dengan Teluk Siam. Jumlah besar penduduk wilayah Pattani, iaitu sekitar 75 peratus daripadanya beragama Islam, bertutur dialek Melayu Patani dan patuh kepada adat resam Melayu seperti penduduk di utara Malaysia. Dialek Melayu Patani merupakan bahasa perhubungan antara individu dalam pergaulan masyarakat sehari-hari di wilayah tersebut. Di samping itu, mereka juga menggunakan bahasa Thai sebagai lingua franca antara penduduk berbangsa lain.

Pada umumnya, dapat dinyatakan bahawa dialek Patanilah yang digunakan oleh masyarakat Melayu di selatan Thailand, sama ada dalam pergaulan mahupun dalam upacara adat. Dalam kedua-dua jenis kegiatan ini, jelas terlihat bahawa peranan dialek Melayu Patani digunakan sepenuhnya, bahkan mereka mempunyai sikap positif terhadap dialek mereka. Sikap tersebut benar-benar lahir atas dasar kesedaran. Walaupun sudah lama diperintah oleh kerajaan Thailand, sehingga sekarang, dialek Melayu Patani masih mempunyai fungsi yang luas. Pemakaiannya meliputi kesemua wilayah yang bersempadan dengan wilayah Pattani. Ini termasuk beberapa daerah wilayah Songkla. Penggunaannya mencakupi lingkungan

anak, lingkungan muda-mudi, lingkungan orang dewasa, lingkungan agama sehingga kepada lingkungan pegawai pekerjaan, baik di sektor swasta mahupun di sektor kerajaan yang terdiri daripada sejumlah orang Melayu.

Pemakaian dialek Melayu Patani tidak hanya terbatas kepada pergaulan harian sahaja, bahkan telah digunakan sebagai bahasa pengantar di institusi keagamaan di seluruh selatan Thailand.

Asmah (1985:124) tidak menggolongkan dialek Patani sebagai salah satu daripada dialek Melayu Semenanjung, malahan nama dialek tersebut langsung tidak disebut beliau. Ini mendorong pengkaji berfikir tentang tempat letaknya dialek Patani dalam salasilah dialek-dialek Melayu di Nusantara ini. Adakah dialek ini bervariasi dengan dialek Melayu lain? Berdasarkan fonologi, perbendaharaan kata, morfologi dan sintaksis, ada kemungkinan besar bahawa dialek Patani ini pada masa dahulu bervariasi dengan dialek Kelantan. Ini kerana, setelah pengkaji menyemak sistem fonologinya, ternyata tidak ada perbezaan antara dialek Patani dengan dialek Kelantan. Dilihat dari segi leksikostatistik pula, didapati bahawa kedua-dua dialek tersebut memakai kata seasal<sup>1</sup> yang sama. Selanjutnya, ditinjau pula dari segi morfologi dan sintaksis, maka ternyata sekali tidak ada keunikan-keunikan tertentu yang boleh membezakan kedua-dua dialek ini. Ini persis dengan peribahasa yang berbunyi “bagai pinang dibelah dua<sup>2</sup>”. Penutur yang sebelahnya kemudian dijajah oleh Inggeris dan yang sebelah lagi dijajah oleh negeri Siam. Justeru, inilah dua dialek yang berakar umbi daripada benih yang sama tetapi dipisahkan. Pengaruh kedua-dua jajahan tersebut hanya mampu membezakan perkembangan perbendaharaan kata sahaja. Yang di sebelah negeri Kelantan, kata-kata Inggeris diserapkan ke dalam dialeknnya manakala yang di sebelah negeri Patani, kata-kata Thai diserapkan ke dalam dialeknnya. Penyerapan perbendaharaan kata asing tersebut akhirnya menjadi perbatasan sistem komunikasi antara warga negeri Kelantan dengan warga negeri Patani. Contoh asas yang paling jelas sekali dapat dilihat daripada penggunaan perbendaharaan kata dalam bidang pendidikan. Jika warga Kelantan menyebut kata nama “institusi pengajian tinggi” sebagai [juniversiti] maka warga Patani akan menyebutnya sebagai [maha:withjalaj], jika warga Kelantan menyebut kata nama “sukatan

---

1 Pengkaji menggunakan gabungan kata leksikostatistik yang disediakan oleh Swadesh (1955) dan Gudschinsky (1956).

2 Sengaja pengkaji memilih peribahasa yang terdiri daripada ursor perkataan “pinang” kerana pinang dianggap sebagai salah satu simbol budi pekerti orang Melayu. Walaupun mereka dipisahkan oleh penguasaan politik, budi pekerti di jiwa mereka masih serupa.

pelajaran” sebagai [kurikulum] maka warga Patani akan menyebutnya sebagai [lâksũ:t], jika warga Kelantan menyebut alat tulis sebagai [pen] maka warga Patani akan menyebutnya sebagai [dinsɔ:]<sup>3</sup> dan beribu-ribu kata lagi yang tidak dapat dihuraikan satu per satu di sini.

Perkembangan kosa kata antara dialek Patani dengan dialek Kelantan menghadapi persimpangan yang berbeza arah. Disebabkan dialek Kelantan mengalami perkembangan yang setanding dengan dialek Melayu lain di Semenanjung Tanah Melayu, maka perkembangan kosa katanya berselari dengan perkembangan bahasa Melayu standard, manakala dialek Patani yang setelah secara total penuturnya diperintah oleh kerajaan Thailand (sekitar tahun 1902), maka semakin sukar bagi penutur Patani untuk mengadaptasikan kosa katanya supaya dapat digunakan semasa bertembung dengan penutur Melayu dialek lain. Berdasarkan penghematan pengkaji, didapati bahawa secara tidak disedari, terdapat beberapa kata leksikon yang tidak dapat difahami maksudnya oleh kebanyakan penutur dialek lain.

Begitu juga dengan persoalan istilah “bahasa Indonesia” dan “bahasa Melayu”, pada asalnya kedua-duanya merujuk kepada bahasa yang sama. Istilah “dialek Kelantan” dan “dialek Patani” juga merujuk kepada dialek yang sama. Kerana ini, mungkin menyebabkan Asmah sama sekali mengabaikan perbincangan dialek Patani, sama ada dalam buku “*Kepelbagaian Fonologi Dialek-dialek Melayu*” mahupun dalam buku “*Susur Galur Bahasa Melayu*”.

Berpatah balik kepada persoalan kedudukan dialek Patani dalam salasilah dialek-dialek Nusantara, agak sukar untuk menentukan bahawa antara dialek Kelantan dengan dialek Patani itu, yang mana satu merupakan dialek induk dan yang mana pula merupakan subdialek daripadanya, atau kedua-duanya merupakan subdialek daripada dialek yang sementara ini dinamakan sebagai “dialek Patani-Kelantan” atau “dialek Kelantan-Patani”. Walau bagaimanapun, penentuan ini tidak boleh dinyatakan sewenang-wenangnya. Kajian persejarahan dialek perlu diadakan untuk mencari penyelesaian dalam menentukan salasilah dialek-dialek Melayu yang lebih meyakinkan.

Pengaruh sosialisasi, keadaan ekonomi, politik dan bahasa kebangsaan di Thailand mengakibatkan perubahan berlaku kepada sistem bunyi dan perbendaharaan kata dialek Patani secara besar-besaran. Bunyi-bunyi konsonan bersuara seperti letupan [g] dan letusan [j] mulai hilang fitur

3 Sebelum dipengaruhi bahasa asing berkenaan, sama ada dialek Kelantan mahupun dialek Patani perkataan [kale] “kalam” pernah digunakan untuk kata “pensel”.

bersuara, bahkan kepanjangan konsonan dalam sistem morfofonemik seperti kata [ttə̀lɔ] “bertelor” telah digantikan dengan tekanan nada tertentu yang terdapat dalam sistem nada standard bahasa Thai. Gejala ini dapat dilihat dalam kalangan penutur dialek Patani yang berjauhan dengan masyarakat pondok di selatan Thailand, khususnya generasi terkini. Dengan perubahan tersebut, makalah ini akan memperlihatkan pengaruh-pengaruh bunyi, kosa kata yang berlaku ke atas dialek Patani setelah tercicir daripada dialek Melayu Kelantan.

## KELAINAN LEKSIKAL

Walaupun terpencil daripada dialek Kelantan, didapati banyak sekali kata atau unsur leksikal dalam dialek Patani yang sama dengan bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa perbezaan seperti yang berikut:

- (a) Kata-kata yang berbeza makna.
- (b) Kata-kata ekasuku.
- (c) Kata-kata yang bukan seasal dengan bahasa Melayu umum.

Ketiga-tiga perbezaan ini dapat dijelaskan secara ringkas seperti yang berikut:

### (a) Kata-kata yang Berbeza Makna

Dalam dialek Patani terdapat beberapa kata yang diucapkan sama dengan bahasa Melayu, tetapi mempunyai makna yang berbeza. Antaranya ialah kata “abang”. Kata tersebut berkembang menjadi dua bentuk, iaitu [abɛ] yang mempunyai maksud yang sama dengan kata “abang” dalam bahasa Melayu dan satu lagi ialah kata [abaŋ] yang digunakan untuk merujuk kepada panggilan khas bagi orang lelaki asing yang berasal dari Negara India atau Pakistan. Ini dapat dilihat dalam contoh ayat seperti #səmələ abaŋ kəŋ kətə? kə pənamuŋ# (Semalam lelaki yang berasal dari India dipukul oleh penyamun). Panggilan tersebut telah diserapkan ke dalam bahasa Thai dan kemudian diekasukan menjadi bentuk [baŋ], sesuai dengan tipologi bahasanya.

Kata “berahi” didapati berbeza sama sekali jika dibandingkan dengan bahasa Melayu. Dalam dialek Patani, kata ini yang disebut sebagai [bəyɛhi] mempunyai maksud “gemar” atau “suka”. Hal ini dapat dilihat dalam ayat seperti #Ali bəyɛhi məkə pi:sə batu# (Ali suka makan pisang batu) atau dalam ayat #budə? tu bəyɛhi məiŋ bəla# (Budak itu suka bermain bola).

Kata “biasa” yang berbentuk [bəso] dalam dialek Patani mempunyai maksud yang berbeza, iaitu sudah atau pernah melakukan, merasa, melihat, dan sebagainya. Ini dapat dilihat dalam ayat seperti #Ali bəsə g:i b:ako?# (Ali pernah ke Bangkok) atau dalam ayat #aku tə? bəsə dəŋə diə j:anɪ lagi# (Aku tidak pernah mendengar dia menyanyi lagi).

Kata “bujang” yang berbentuk [buʃɛ] dalam dialek Patani bermaksud “janda”. Ini dapat dilihat dalam ayat # l:ɔniŋ mɛ? nɔh buʃɛ lagi# (Sekarang Maimunah masih janda lagi) atau dalam ayat # maʔɛ naʔ? n:ikɔh dəŋə oʃɛ buʃɛ di kapoŋ tu# (Ismail hendak berkahwin dengan janda di kampung itu).

Kata “buruk” yang berbentuk [buʃoʔ] dalam dialek Patani selain bermaksud buruk seperti dalam bahasa Melayu juga diperluas kepada maksud “busuk” untuk buah-buahan, atau lama bagi benda-benda tertentu. Ini dapat dilihat dalam ayat # wɔh nakɔ itu dɔh buʃoʔ# (Buah nangka itu sudah busuk) atau dalam ayat #baʔpɔ dəmɔ bəli kəʃɛtɔ buʃoʔ niŋ# (Kenapa awak beli kereta lama ini).

Kata “koyak” yang berbentuk [kɔjɔʔ] selain maknanya sama dengan bahasa Melayu, kata ini juga membawa maksud “mengupas kulit buah-buahan”. Ini dapat dilihat dalam contoh ayat #tulonɔ kɔjɔʔ wɔh lima buwi kɔ adeʔ# (Tolong kupaskan sebiji buah limau untuk adik).

## (b) Kata Ekasuku

Dalam dialek Patani, terdapat banyak kata yang terdiri daripada satu suku kata. Kata-kata tersebut dapat dibahagikan kepada dua golongan kata dasar, iaitu golongan kata asli dan golongan kata pinjaman. Kedua-dua golongan ini dipaparkan seperti yang berikut:

### (i) Kata Ekasuku Asli

Kata ekasuku asli dalam dialek Patani kebanyakannya berasal daripada kata dwisuku yang telah diekasukukan. Antaranya ialah:

[buwaʔ]	→	[waʔ]	“buat”
[buwi]	→	[wi]	“beri”
[buwɛ]	→	[wɛ]	“pecat”
[lɔpəh]	→	[pəh]	“lepas”
[sudɔh]	→	[dɔh]	“sudah”

### (ii) Kata Ekasuku Pinjaman

Penyerapan kata-kata Thai ke dalam dialek Patani menyebabkan perbendaharaan kata ekasuku dalam dialek tersebut semakin bertambah.

Ini dapat dilihat dalam senarai kata yang berikut:

[beŋ]	“sombong”	[beʔ]	“cara”
[baʔ]	“kad”	[bo]	“cukup”
[buʔ]	“serang”	[čeŋ]	“bankrap”
[čeŋ]	“lapor”	[čoʔ]	“cangkul”
[nãʔ]	“pasar minggu”	[ʔoʔ]	“sabar”

### (c) Kata Bukan Seasal dengan Bahasa Melayu

Kata bukan seasal dengan bahasa Melayu di sini bermaksud sejumlah perbendaharaan kata yang terdapat dalam dialek Patani tetapi tidak terdapat dalam bahasa Melayu standard. Sebahagian daripada jumlah kata tersebut diserapkan daripada bahasa Thai. Antara kata tersebut adalah seperti contoh yang berikut:

[barisaʔ]	“syarikat”
[bəʔeh]	“tanah tinggi”
[bekɛŋ]	“bengis”
[bədənĕ]	“berair”
[gəʔləŋã]	“perasaan seperti digigit”
[koson]	“bas”
[ləmã]	“tidak sedap badan”
[pəʔĕh]	“sangat mudah”

## TRANSMORFOFONOLOGISASI

Transmorfofonologisasi (*transmorphophonologisation*) dalam makalah ini bermaksud satu fenomena pembentukan semula sistem morfofonologi baharu dalam sesuatu bahasa disebabkan keperluan tertentu dalam pembentukan kata dan penentuan makna. Dalam perkembangan fonologi sesuatu bahasa, didapati sesetengah bunyi atau fitur bunyi mengalami penambahan atau pengurangan. Untuk menghindari kewujudan sebutan yang sama (tetapi mempunyai makna yang berbeza), setelah fitur-fitur tertentu mengalami kelenyapan, maka tercetuslah satu transfonologisasi secara korelasi dengan wujudnya satu set fonem baharu sebagai pembeza makna dalam perkataan. Set fonem tersebut boleh terdiri daripada vokal, konsonan, nada, atau sebagainya. Suatu ketika, transfonologisasi juga berlaku kepada sistem vokal bahasa Austronesia purba apabila diturunkan ke dalam bahasa Melayu induk, dan proses tersebut berlaku lagi kepada bahasa Melayu induk apabila diturunkan kepada bahasa Melayu moden (lihat Aśmah, 1985:349). Dalam dialek-dialek Melayu, misalnya



terdapat beberapa set vokal yang merupakan hasil transfonologisasi yang telah berlaku beberapa kali semenjak pewarisan bahasa Austronesia purba kepada bahasa Melayu induk dan seterusnya kepada bahasa Melayu moden. Bahasa Austronesia purba pada asalnya memiliki sistem empat vokal, iaitu [*\*i*, *\*e*, *\*a*, *\*u*], setelah berkembang menjadi bahasa Melayu induk, vokal *\*i* dan *\*u* didapati mengalami pemecahan fonemik masing-masing dan berkembang menjadi dua bunyi yang baharu, iaitu bunyi [*\*i*] menurunkan bunyi [*\*i*] dan [*\*e*] sedangkan bunyi *\*u* menurunkan bunyi [*\*u*] dan [*\*o*] kepada bahasa Melayu induk. Kemudian bunyi [*\*a*] mengalami pemecahan fonemik sekurang-kurangnya menjadi [*a*] dan [*ə*] semasa bahasa Melayu induk sedang berkembang. Dengan perubahan tersebut, maka sistem vokal yang mantap dalam beberapa dialek bahasa Melayu induk dipercayai terdiri daripada sistem enam vokal, iaitu [*\*i*, *\*e*, *\*o*, *\*u*, *\*a*, *ə*]. Bagi bahasa Melayu induk pula, dipercayai mengalami perubahan yang sama ke atas bunyi [*\*e*] dan [*\*o*] (yang merupakan hasil transfonologisasi bahasa Austronesia purba). Bunyi [*\*e*] mengalami pemecahan fonemik menjadi [*e*] dan [*ɛ*], sedangkan bunyi [*\*o*] mengalami pemecahan fonemik menjadi [*o*] dan [*ɔ*]. Hasil transfonologisasi yang berlaku kepada bahasa Austronesia purba dan bahasa Melayu induk ini, maka wujudlah lapan vokal yang terdiri daripada [*i*, *e*, *ɛ*, *a*, *ɔ*, *o*, *u*, *ə*]. Set vokal yang merupakan hasil daripada transfonologisasi tersebut telah diretransfonologi oleh dialek-dialek Melayu tertentu sehingga wujud sistem tiga<sup>4</sup> vokal, enam<sup>5</sup> vokal, tujuh<sup>6</sup> vokal hingga lapan<sup>7</sup> vokal dalam sistem fonologi dialek masing-masing.

Dilihat dari sudut perkembangan sistem nada, Haudricourt (Suriya, 1985) berpendapat bahawa kemungkinan besar bunyi nada yang terdapat dalam sistem fonologi bahasa-bahasa di Asia Tenggara ini ialah unsur supra-segmental yang baru sahaja diwujudkan. Salah satu punca yang mendorongkan sesuatu bahasa mencetuskan sistem nada leksikal adalah kerana pertembungan sebutan beberapa perkataan yang pada asalnya terdiri daripada fitur-fitur bunyi bahasa yang berbeza-beza. Fenomena transfonemisasi ini telah berlaku kepada sistem fonologi bahasa Vietnam sekitar abad ke-9 setelah beberapa lama bahasanya mula dipengaruhi oleh bahasa Cina. Pada jangka masa tersebut, fonem /*g*, *ʒ*, *d*, *b*/ ternyata kehilangan fitur bersuara [+bersuara]. Dengan

4 Dialek Brunei.

5 Dialek Melayu standard, dialek Johor, dialek Melaka, dialek Sarawak dan sebagainya.

6 Dialek Minang, dialek Pahang, dialek Terengganu, Dialek Negeri Sembilan dan sebagainya.

7 Dialek Kedah, dialek Petani Baling, dialek Patani, dialek Perak, dialek Kelantan, dialek Urak Lawoi dan sebagainya.

itu, kata-kata yang menjadi pasangan terkecil berkontras yang terdiri daripada keempat-empat fonem tersebut telah berhomonim dengan kata-kata yang terdiri daripada fonem /k, c, t, p/. Bagi menghindari kelewahan kata-kata homonim dalam bahasanya, maka wujudlah dua fonem nada leksikal dalam sistem fonologinya. Kedua-dua fonem nada tersebut dikenali sebagai fonem nada “*ngang*” dan fonem nada “*huyên*”. Nada “*ngang*” digunakan untuk disisipkan pada suku kata yang suatu ketika pernah diawali fonem /g, j, d, b /, manakala nada “*huyên*” digunakan untuk disisipkan pada suku kata yang diawali fonem /k, c, t, p/. Pengguguran fitur bersuara yang berlaku kepada empat konsonan tersebut disebabkan pengaruh bahasa Cina. Demikian juga halnya dengan pewujudan nada leksikal pada kata-kata tersebut yang diserapkan daripada sistem fonologi bahasa Cina.

Sesetengah bahasa bernada, setelah dijadikan dialek minoriti di kawasan yang adanya dialek lain sebagai majoriti, nada leksikalnya boleh mengalami kelenyapan. Contoh yang paling jelas ialah bahasa Swedish (yang merupakan bahasa yang mempunyai nada leksikal sebagai pembeza makna), setelah digunakan di Finland sebagai bahasa minoriti, ternyata unsur nada tidak diperlukan dalam bahasanya. Ini disebabkan oleh pengaruh bahasa Suomi (*Finnish*) yang merupakan bahasa majoriti di negara tersebut. Justeru, andaian bahawa bahasa induk bagi keluarga Tai, China kuno dan rumpun bahasa Mong-Yao pada kira-kira dua ribu tahun dahulu, belum tentu sudah memiliki bunyi nada dalam sistem fonologinya, boleh dipertimbangkan. Yang cukup jelas sekali ialah cabang bahasa Vietnam-Mu’ò’ng yang diturunkan daripada keluarga Austroasia<sup>8</sup> merupakan satu-satunya contoh bahasa yang apabila dipengaruhi oleh bahasa Cina yang kaya dengan bunyi nada dan keadaan diglosia yang lebih mantap, maka wujudlah bunyi nada tertentu dalam bahasa Vietnam-Mu’ò’ng.

Dalam menyatukan rakyat di negara Thailand, warga Patani telah mengakui bahawa selain bahasa Thai, ternyata tidak ada bahasa lain yang dapat berfungsi sepenuhnya dalam menyatupadukan rakyat secara menyeluruh. Dengan ini, dewasa ini warga Patani tidak keberatan lagi untuk menyertai sistem persekolahan dan mempelajari bahasa Thai sepenuhnya. Ini berbeza dengan zaman yang silam. Pada tahap permulaan, sistem persekolahan Thai diadakan di kuil Buddha. Kuil-kuil dijadikan pusat pendidikan rakyat Thai. Semua guru

---

8 Bahasa Keluarga Austroasia dahulunya dikenali sebagai bahasa keluarga Mon-Khmer. Istilah tersebut dicipta oleh Wilhelm Schmidt. Bahasa keluarga Austroasia tidak memakai unsur nada sebagai pembeza makna kecuali bahasa Vietnam sahaja yang dipercayai dipengaruhi oleh keluarga bahasa Sino-Tibet.

terdiri daripada sami Buddha. Kebanyakan pengajarannya berlandaskan agama Buddha. Keengganan masyarakat Melayu Patani menyertai sistem persekolahan Thai pada zaman silam itu wajar dipertimbangkan. Setelah berkurun-kurun lamanya, sistem persekolahan Thai mula berpindah daripada berpusat di kuil ke bangunan sekolah di merata kampung, bahkan para guru juga terdiri daripada guru terlatih. Perubahan ini telah mengubah sikap warga Melayu Patani daripada enggan kepada bersemangat untuk melibatkan anak-anak mereka dalam sistem persekolahan demi menstandarisasikan bahasa kebangsaan mereka. Keengganan pada zaman silam dan keinginan pada zaman ini untuk melibatkan diri dalam sistem persekolahan merupakan satu ciri kecendekiaan warga Patani dalam menstandarisasikan bahasa kebangsaan yang melambangkan keunikan identiti warga Patani.

### SUPRAFIKS DALAM DIALEK PATANI

Persis Dialek Kelantan, dialek Patani didapati mempunyai kelainan unsur panjang pendek. Unsur tersebut unik sekali, kerana kepanjangan bunyi berlaku kepada konsonan<sup>9</sup> dan bukan kepada vokal seperti yang berlaku kepada struktur bahasa Arab dan bahasa Thai. Unsur kepanjangan konsonan tersebut merupakan satu hasil perkembangan dialek Melayu utara Semenanjung Tanah Melayu yang mencakupi sekurang-kurangnya dialek Kelantan dan dialek Terengganu. Tidak dapat ditentukan bilakah keunikan tersebut berlaku. Unsur kepanjangan konsonan yang dimaksudkan di sini ialah unsur kepanjangan yang berlaku pada posisi awal kata yang bersifat fonemik. Unsur ini dapat dikesan daripada kata-kata seperti [t:əɓ] “bertelur”, [b:uŋɔ] “berbunga”, [t:in<sup>d</sup>eh] “tertindih”, [b:ɛʔki] “memperbaiki”, [k:wuda] “ke kedai”, [t:wbiN] “di tebing” dan sebagainya. Jarak kepanjangan konsonan yang berlaku kepada dialek Patani ini boleh juga diperbandingkan dengan gabungan dua konsonan dalam dialek Jakarta seperti dalam kata [ŋgak] “nggak” yang bermaksud “tidak”. Dalam kata tersebut, terdapat kesatuan bunyi antara konsonan [ŋ] dengan [g] yang jarak pengujarannya sama dengan kepanjangan konsonan dalam dialek Patani tersebut. Dengan kata lain, dapat dinyatakan bahawa dalam dialek Patani terdapat unsur suprafiks kepanjangan konsonan. Antara konsonan yang dipanjangkan ialah konsonan pertama pada stem atau morfofonemnya. Stem

9 Konsonan panjang didapati dalam beberapa bahasa seperti bahasa Punjabi, Finnish, Jepun, Meranungku, Delaware, Lak, Somali, Shilha, dan sebagainya.

ini juga boleh terdiri daripada kedua-dua jenis nukleus. Kapanjangan konsonan ini boleh bersifat menetap atau mengubah golongan. Stem yang menerima kapanjangan konsonan boleh terdiri daripada kata kerja transitif, kata kerja tak transitif, kata nama dan kata adverba. Pada umumnya, kesemua konsonan yang terdapat dalam dialek Patani boleh dipanjangkan. Antaranya dapat dilihat dalam contoh yang berikut:

[bəsa]	“besar”	→	[b:əsa]	“besarkan”
[mati]	“mati”	→	[m:ati]	“matikan”
[tiŋ <sup>ə</sup> a]	“tinggal”	→	[t:iŋ <sup>ə</sup> a]	“tertinggal”
[dəyah]	“cepat”	→	[d:əyah]	“cepatkan”
[sakoʔ]	“sangkut”	→	[s:akoʔ]	“tersangkut”

Suprafiks kapanjangan konsonan dalam dialek Patani berfungsi sebagai yang berikut:

- (a) Sebagai penanda kerja ragam transitif.
- (b) Sebagai penanda variasi bebas dengan awalan.
- (c) Sebagai penanda variasi bebas dengan adverba yang diulang.
- (d) Sebagai penanda variasi bebas dengan kata depan arah yang dipakai bersama kata nama untuk berfungsi sebagai adverba tempat.

Bagi fungsi (a), suprafiks digunakan pada stem yang terdiri daripada kata kerja transitif, kata kerja tak transitif, kata nama dan adverba seperti dalam contoh yang berikut:

- (i) [ambo t:iŋ<sup>ə</sup>a beʔ duiʔ di yumah]  
“Saya tertinggal dompet di rumah.”
- (ii) [wa dijo sakoʔ di atas pohon pɔ]  
“Layang-layang dia tersangkut di atas pokok kelapa.”

Bagi fungsi (b), suprafiks merupakan pengganti awalan yang dihilangkan. Stem tersebut boleh terdiri daripada kata kerja transitif, kata kerja tak transitif dan adverba seperti dalam contoh yang berikut:

- (i) [g:adoh] bervariasi bebas dengan [begadoh] “bergaduh”
- (ii) [j:alɛ] bervariasi bebas dengan [bəjalɛ] “berjalan”

Bagi fungsi (c), suprafiks digunakan pada stem yang terdiri daripada adverba seperti contoh yang berikut:

- [dudoʔ b:aeʔ] bervariasi bebas dengan [dudoʔ baeʔ-baeʔ] “duduk baik-baik”

Bagi fungsi (d), suprafiks hanya digunakan pada stem yang terdiri daripada kata nama atau kata ganti nama tempat seperti dalam contoh yang berikut:

[l:aoʔ] bervariasi bebas dengan [di laoʔ] “di laut” dan [dayi laoʔ] “dari laut”

## TRANSMORFOFONOLOGISASI SUPRAFIKS DIALEK PATANI

Perubahan suprafiks dapat dianggap sebagai salah satu proses dalam perubahan tatabahasa. Pada umumnya, perubahan tatabahasa mempunyai titik tolak dan penyebaran antara pengguna bahasa, memperlihatkan pergeseran struktur bahasa daripada bentuk asalnya. Perubahan tatabahasa boleh berlaku sama ada pada tahap morfem, kata atau ayat. Perubahan pada tahap morfem mengakibatkan bentuk morfem berbeza daripada bentuk asal, atau mengakibatkan morfem-morfem tertentu hilang daripada perbendaharaan kata, atau wujud kata-kata baharu yang diterima pakai dalam bahasa tersebut. Proses penting yang mendorong fenomena tersebut berlaku ialah proses analogi. Proses ini membentuk unsur bahasa akibat pengaruh pola lain dalam bahasa-bahasa tertentu untuk diselaraskan dengan paradigma atau konjugasi (*conjugation*). Ini dilakukan dengan menganalogikan ciri-ciri persamaan yang ada dengan mengikut konsep sini dan kini supaya selaras dengan pola kata asal sehingga menghasilkan suatu pola baharu. Dengan ini, analogi bentuk tatabahasa boleh didapati dalam dua bentuk yang diperlihatkan, iaitu bentuk asal dan bentuk geseran. Bentuk asal merupakan bentuk morfem yang dijadikan acuan dalam analogi manakala bentuk geseran ialah hasil daripada proses analogi tersebut.

Pada umumnya, analogi dapat diperhatikan daripada penggunaan bahasa kanak-kanak atau pelajar yang mempelajari bahasa kedua. Daripada kata asal “*walk/walked*” dalam bahasa Inggeris, misalnya memungkinan kakak-kanak atau pelajar yang sedang mempelajari bahasa kedua, mempunyai tanggapan bahawa morfem yang menunjukkan kala lepas dalam bahasa Inggeris ialah {-*ed*}. Dengan ini, apabila terdapat kata “*go*”, mereka akan menganalogikannya dengan bentuk morfem asal dan membentuk kala lepas bagi kata tersebut sebagai \**goed*. Ataupun berdasarkan acuan “*hand*” menjadi “*hands*”, kanak-kanak akan membentuk bentuk jamak kata nama bagi “*tooth*” sebagai “*tooths*” yang sepatutnya ialah kata “*teeth*”.

Persis bahasa Vietnam (yang mengalami proses analogi sehingga pada akhirnya mengambil fonem-fonem nada untuk membasmi kata-kata homonim setelah beberapa konsonan letupan mengalami pengguguran fitur bersuara), dialek Patani banyak dipengaruhi oleh bahasa Thai yang mempunyai lima bunyi nada yang berfonemik dalam bahasanya. Dengan konsep sini dan kini, terutamanya pada penutur dialek Patani generasi baharu, didapati bentuk suprafiks kepanjangan konsonan yang dihuraikan di atas telah mengalami pengguguran. Pengguguran ini telah menghomonimkan pasangan kata yang pada asalnya memiliki unsur suprafiks kepanjangan konsonan sehingga menghasilkan kata-kata homonim yang menandakan dua maksud dalam bahasa tersebut. Kata [buŋɔ] “bunga & berbunga”, kata [təlɔ] “telur & bertelur”, kata [cabuʔ] “cabut & tercabut” dan [suŋa] “sungai & di sungai & dari sungai”, misalnya telah menjadi titik tolak yang telah mengundang sistem nada dalam bahasa Thai untuk dijadikan unsur pembasmi kelewahan kata-kata homonim yang mula berlaku setelah unsur-unsur suprafiks kepanjangan konsonan digugurkan. Lantaran ini, bagi membezakan pengertian “bunga & berbunga”, “telur & bertelur”, “cabut & tercabut”, dan “sungai & di sungai & dari sungai”, nada-nada tertentu diambil sebagai variasi pilihan yang berfonemik dalam dialek Patani.

Unsur nada yang jelas dan dapat dikesan secara akustik ialah unsur nada menurun tak datar (*falling tone*) sebagai pengganti unsur suprafiks kepanjangan konsonan dalam dialek Patani. Unsur nada tersebut merupakan salah satu daripada lima unsur nada dalam bahasa Thai. Berdasarkan linguistik akustik, unsur nada menurun tak datar mempunyai bentuk lengkungan frekuensi bernilai 140 Hz pada posisi awal jangka suku kata. Nilai tersebut akan dinaikkan sedikit sebelum diturunkan dengan pantas sehingga bernilai 100 Hz pada posisi akhir jangka suku kata. Nada tersebut dilambangkan dengan tanda [-^]. Ini dapat dilihat pada kata seperti yang berikut:

[buŋɔ]	“bunga”	→	[ɓuŋɔ]	“berbunga”
[təlɔ]	“telur”	→	[tə̂lɔ]	“bertelur”
[cabuʔ]	“cabut”	→	[câbuʔ]	“tercabut”
[suŋa]	“sungai”	→	[sûŋa]	“di sungai & dari sungai”

## PENUTUP

Pergeseran unsur suprafiks kepanjangan konsonan dengan beranalogikan fonem nada menurun tak datar dalam bahasa Thai ini dapat dianggap sebagai satu transmorfofonologisasi suprafiks dalam dialek Patani. Ini disebabkan

oleh unsur kepanjangan konsonan dialek Patani mempunyai ciri-ciri akustik yang sama dengan fonem nada tersebut. Perubahan tatabahasa yang melibatkan suprafiks diambil alih oleh fonem nada tersebut tidak jauh bezanya dengan perubahan fonologi yang berlaku kepada sesuatu bahasa. Ini kerana kedua-dua jenis perubahan mempunyai sifat yang sama, iaitu bermula daripada bahasa yang mempunyai kelemahan seperti hilang keseimbangan sehingga wujudnya bentuk-bentuk variasi untuk dipilih oleh penuturnya. Bentuk variasi yang sering atau lazim digunakan, sama ada dari segi bunyi mahupun tatabahasa, akan tersebar daripada satu kelompok kepada satu kelompok penutur secara beransur-ansur pada tahap permulaan dan akan bertambah pesat secara berleluasa.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 1996. "Bahasa Pemikiran dan Survival Bangsa Melayu". Kertas kerja dalam Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu/Indonesia: Medan, 9 – 12 Disember 1996.
- Adams, Karen L., 1982. "*Systems of Numeral Classification in Mon-Khmer, Nicobarese, and Aslian Subfamilies of Austroasiatic*". Tesis Sarjana. Michigan University.
- Asmah Haji Omar, 1986. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1977. *Kepelbagaian Fonologi Dialek-dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1991. *Bahasa Melayu Abad ke-16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1995. *Rekonstruksi Fonologi Bahasa Melayu Induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Benedict, Paul K., 1975. *Austro-Thai Language and Culture with a Glossary of Roots*. New York: Harf Press.
- Court, Christopher A. F., 1974. "The Segmental and Suprasegmental Representation of Malay Loanwords in Satun Thai: A Description with Historical Remark". Kertas kerja dalam *the First International Conference on Comparative Austronesian Linguistics*, Honolulu, Hawaii, 2–7 Januari 1974.
- Darwis Harahap, 1992. *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Melayu*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Francisco, Juan R., 1964. *Indian Influences in the Philippines*. Manila: University of The Philippines.

- Gorys Keraf, 1991. *Linguistik Bandingan Historis*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Harris, Jimmy G. dan Chamberlain, James R, (ed.), 1975. *Studies in Tai Linguistics in Honor of William J. Gedney*. Bangkok: Central Institute of English Language, Office of State Universities.
- Haudricourt, Andre-George, 1950. "Two-way and Three-way Spritting of Tonal Systems in Some Far Eeastern Languages." Diterjemahkan oleh Christopher Court, dlm. *Tai Phonetics and Phonology*. Diedit oleh Jimmy G. Harris and Richard B. Noss, Bangkok.
- Hock, Hans Hendrich, 1986. *Principles of Historical Linguistics*. Berlin; New York; Amsterdam: Mouton de Gruyter.
- Ismail Hussein, "Malay Dialects in the Malay Peninsula" dlm. *Nusantara*, 3:1 Januari 1973.
- Matisoff, James A., 1978. *Variational Semantics in Tibeto-Burman: the "Organic" Approach to Linguistic Comparison*. Philadelphia.
- Mees, C.A., 1967. *Ilmu Perbandingan Bahasa2 Austronesia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, University of Malaya Press.
- Mohd. Thani Ahmad dan Zaini Mohamed Zain (Peny.), 1988. *Rekonstruksi dan Cabang-cabang Bahasa Melayu Induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Dahlan Mansoer, 1979. *Pengantar Sejarah Nusantara Awal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, 1965. "Loghat Kelantan, Suatu Cerakinan Kajibumi Bahasa". Tesis Sarjana Sastera. Universiti Malaya.
- Paiton M. Chaiyanara, 1996. "Bahasa dan Percanggahan Pemikiran". Kertas kerja dalam Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu/Indonesia. Universiti Sumatera Utara, Medan, 9-12 Disember 1996.
- Paiton M. Chaiyanara, 1999. *Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu*. Singapura: Wespac Consultan Centre.
- Paiton M. Chaiyanara, 1999. *Kajian Bahasa Austroasia*. Songkla: Renoor Network Hat Yai.
- Paiton M. Chaiyanara, 2000. "Transfonologisasi Nada Leksikal Thai dalam Dialek Patani". Kertas kerja dalam Persidangan Linguistik ASEAN I, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 14 - 16 November 2000.
- Paiton M. Chaiyanara, 2004. "Kepelbagaian dan Kebersamaan Bahasa dalam Masyarakat Asia Tenggara". Makalah dalam Seminar Internasional "Menuju Kecemerlangan Kebudayaan Jepang dan ASEAN. Jabatan Pendidikan Nasional, Universitas Negeri Surabaya, 6-8 Disember 2004.
- Paiton M. Chaiyanara, 2004. "Tradisi dan Kesenambungan Perbendaharaan Kata dalam Bahasa Indonesia, Melayu dan Thai" dlm. *Pemikiran Melayu: Tradisi dan Kesenambungan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Paitoon Masmintra Chaiyanara, 1983. "*Dialek Patani dan Bahasa Malaysia: Satu Kajian Perbandingan dari Segi Fonologi, Morfologi dan Sintaksis*". Tesis Sarjana Sastera. Universiti Malaya.
- Paitoon Masmintra Chaiyanara, 1990. "*Kata-kata Sanskrit dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Thai: Satu Kajian Perbandingan dari Segi Fonologi*." Tesis Ph.D. Universiti Malaya.
- S.R.H. Sitangan *et al.*, (Peny.), 1992. *Kongres Bahasa Indonesia V Menjelang Bahasa Indonesia sebagai Bahasa Persatuan dalam Konteks Pembangunan*. Jakarta: Jabatan Pendidikan dan Kebudayaan.
- Samsuri, 1972. *Bahasa dan Ilmu Bahasa dan Fonologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Slalmetmuljana, 1982. *Asal Bangsa dan Bahasa Nusantara*. Jakarta: PN Balai Pustaka.
- Suriya Ratanakul (ed.), 1985. *Southeast Asian Linguistics Studies presented to André-G. Haudricourt*. Bangkok: Mahidol University.
- Suriya Ratanakul, 1988. *Language in Southeast Asia: Part I - Austroasiatic and Sino-Tibetan Language*. Bangkok: Institute of Language and Culture for Rural Development, Mahidol University.
- Tengku Amin Ridwan, 1977. *Bahasa dan Linguistik*. Medan: Universitas Sumatera Utara.
- Tengku Amin Ridwan, 1975. "*A Contrastive Study between Bahasa Indonesia and Australian English Phonetics and Orthography*". Tesis Ph.D. Monash University.
- Worawit Baru, 1990. "*Pengaruh Bahasa Thai ke Atas Dialek Patani: Kajian Kes Sosiolinguistik di Wilayah Pattani*". Tesis Sarjana Sastera. Universiti Malaya.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba), 2002. *Ilmu Mengarang Melayu Edisi Ejaan Rumi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.